



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 5/1976**

*Denda Bayaran Setem Di Bawah Seksyen 47 Undang-undang Setem*

Surat Pekeliling ini ialah untuk menasihatkan Pendaftar Hakmilik dan Pemungut Hasil Tanah mengenai tanggungan membayar denda di bawah seksyen 47 Undang-undang Setem 1949.

2. Satu soalan telah dikemukakan sama ada seorang itu bertanggungjawab membayar denda di bawah seksyen 47(1) Undang-Undang Setem 1949 bagi bayaran tambahan yang wujud selepas permohonan menetapkan cukai setem (application for adjudication) di bawah seksyen 36(1). Dalam perkara ini Peguam Negara telah menasihatkan bahawa seksyen 36 Undang-undang Setem 1949 tidak sekali-kali melepaskan sesiapa daripada tanggungan membayar denda di bawah seksyen 47(1) ataupun daripada apa jua denda-denda dan tanggungan yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut. Dalam hal ini juga Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah diminta merujuk kepada peruntukan seksyen 47(2) Undang-undang yang sama yang membolehkan Pemungut Cukai Setem mengecualikan atau mengurangkan bayaran denda.

3. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan iaitu bayaran denda di bawah seksyen 47(1) Undang-undang Setem adalah dikenakan bagi tiap-tiap kes walaupun aturcara itu tertakluk kepada satu permohonan menetapkan cukai setem (application for adjudication) di bawah seksyen 36 Undang-undang Setem.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 125/49-7

Kuala Lumpur  
April, 1976